

Headline	FRIM tutup Titian Silara, Denai Rover ekoran kerosakan		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	16 Oct 2015	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	171,663
Page No	26	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	369 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 7,293
Frequency	Daily	PR Value	RM 21,879



FRIM tutup Titian Silara, Denai Rover ekoran kerosakan

KUALA LUMPUR 15 Okt. - Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) menutup dua lokasi iaitu Titian Silara dan Denai Rover di Hutan Simpan Bukit Lagong, Selangor bermula Selasa lalu kerana mengalami kerosakan teruk akibat ribut petir, baru-baru ini.


FRIM, bagaimanapun tidak menyatakan tempoh penutupan kedua-dua lokasi itu, sebaliknya memaklumkan ia akan diberitahu kelak.

Ketua Komunikasi Korporat FRIM Norhayati Nordin berkata, institut itu akan melaksanakan pemeriksaan dan penilaian keselamatan secara menyeluruh terhadap lokasi terbabit.

"Kami memohon maaf atas sebarang kesulitan dan menyeru semua pelawat terutamanya mereka yang gemar berjoging supaya memberi kerjasama dengan tidak lagi menggunakan Denai Rover," katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Beliau berkata, pihak pengurusan FRIM membuat keputusan itu bagi memastikan keselamatan orang ramai berikutan kerosakan serius yang dialami di kedua-dua tempat berkenaan.

"Tempat perkelahan Sungai



PENUTUPAN Titian Silara di Hutan Simpan Bukit Lagong, Selangor sejak Selasa lalu bagi memastikan keselamatan pengunjung.

Kroh telah mengalami beberapa insiden kepala air di mana air melimpah membawa bersama kayu balak, batang pokok serta bahan-bahan lain dan membanjiri seluruh kawasan tersebut.

"Selain itu, beberapa pokok tumbang dan ada yang merosakkan rumah berhampiran, serta sebahagian daripada pagar konkrit FRIM," katanya.

Tambahnya, sehubungan itu orang ramai dinasihatkan mendapatkan maklumat kaji cuaca dahulu sebelum merancang perjalanan ke FRIM.

Orang ramai boleh menghubungi Pusat Perkhidmatan Setempat (PPS) FRIM di talian 03-6279 7592/03-6279 7649 atau e-mel kepada frim_enquiry@frim.gov.my untuk maklumat lanjut -BERNAMA



KEROSAKAN teruk akibat kejadian ribut di Denai Rover di Hutan Simpan Bukit Lagong, Selangor, baru-baru ini.